



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KPWKM SERU SEMUA PIHAK HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA

**Cyberjaya, 25 November** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) komited menghentikan keganasan wanita melalui pelaksanaan Kempen *We Eliminate Violence Against Women* (WeVAW). Kempen ini bertujuan untuk memastikan agenda menghentikan keganasan terhadap wanita dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh seiring dengan aspirasi di peringkat antarabangsa.

Setiap tahun tanggal 25 November merupakan sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di seluruh dunia. Isu keganasan terhadap wanita sering kali menjadi fokus utama kerana boleh berlaku melangkaui batas sempadan, agama, bangsa dan budaya.

*Unite! Activism To End Violence Against Women & Girls!* merupakan tema pada tahun ini yang menekankan kepentingan kesepakatan dan perpaduan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat untuk semua. Keganasan terhadap wanita perlu ditangani secara menyeluruh kerana terdapat pelbagai bentuk keganasan termasuk penderaan fizikal, psikologi, emosi dan sosial.

Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam ucapannya berkata, **“Pelbagai usaha telah digerakkan oleh KPWKM dalam menangani isu keganasan terhadap wanita antaranya seperti penubuhan Skwad WAJA yang bertujuan untuk memperkasa komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti.”**

“Khidmat sokongan dan perlindungan juga turut diberikan melalui Pusat Perlindungan, Pusat Transit dan Pusat Psikososial Setempat (PSSS) bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga. Dalam usaha untuk memperjuangkan nasib wanita agar terus dibela, Akta Antigangguan Seksual atau AAGS 2022 telah diwartakan pada 18 Oktober 2022. AAGS 2022 ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang selamat khususnya kepada wanita. Program advokasi AAGS akan dilaksanakan di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran segenap lapisan masyarakat supaya hentikan segala bentuk gangguan seksual sebelum akta ini dikuatkuasakan kelak.” tambah beliau lagi.

KPWKM turut memuji tindakan pantas Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang telah menyelesaikan kes video viral seorang suami yang memukul isterinya tanpa belas kasihan baru-baru ini. Pelaku telah mengaku bersalah dan telah dijatuhi hukuman penjara dan denda. Selain itu, Kementerian ini turut memandang serius kes seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun yang mati disyaki akibat didera. Beliau didapati cedera teruk sehingga koyak usus dan ada kesan hentakan di kepala. KPWKM menyeru semua pihak yang mempunyai maklumat untuk memberikan kerjasama kepada PDRM dalam siasatan kes ini supaya pelaku dapat dibawa ke muka pengadilan.

Usaha berterusan dalam membanteras keganasan terhadap wanita adalah tanggungjawab semua pihak. Setiap lapisan masyarakat perlu bersama-sama dalam usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita. Orang ramai diharap tampil dan melaporkan kes-kes keganasan ini dengan menghubungi pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau **Talian Kasih 15999** atau melalui **Aplikasi Whatsapp di talian 019 - 2615999**.

**BERSAMA KITA HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA!**

**####**

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)  
Putrajaya  
Tel: 03-8323 2106  
Email: [isa@jpw.gov.my](mailto:isa@jpw.gov.my)